

TARIKH	13 OGOS 2025 (RABU)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	MEDIA SOSIAL PENJAWAT AWAM DIPANTAU		
M/S	6 (NEGARA)	KATA KUNCI	CIVIL SERVICE
BIDANG	CIVIL SERVICE		

6
NEGARA!



PENJAWAT awam telah berikrar akan taat kepada raja dan negara sekali gus menjadikan mereka sebagai benteng terakhir mempertahankan kerajaan. – GAMBAR HIASAN

Media sosial penjawat awam dipantau

- **Tindakan kakitangan awam tertakluk kepada aku janji Rukun Negara**
- **Ramai yang gagal kawal emosi semasa menulis di alam maya**

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, sebuah jawatankuasa khas telah diwujudkan bagi memantau penggunaan media sosial dalam kalangan penjawat awam.

Menurut beliau, salah guna media sosial kini menjadi antara cabaran paling besar yang perlu dihadapi oleh kerajaan.

“Penjawat awam tidak boleh membuat sebarang pernyataan awam bersifat jelik menerusi platform media sosial. Ada penjawat awam yang dikesan meng-

gunakan platform itu dengan cara yang tidak sepatutnya.

“Ada jawatankuasa yang memantau media sosial melibatkan penjawat awam. Ramai penjawat awam ini kadang-kadang terlalu mengikut emosi, tak dapat kawal emosi dan menulis sesuatu yang tidak sepatutnya,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi Sesi Reformasi Satu Kemestian bersama Ketua Setiausaha Negara sempena Setahun Reformasi Perkhidmatan Awam dan Pelancaran Pekeliling Penedigitalan Perkhidmatan Awam di Puspanitapuri semalam.

Shamsul Azri dalam pada itu merayu kepada semua penjawat awam bagi mempertahankan kerajaan.

Katanya, hal ini kerana sebarang tindakan golongan itu tertakluk kepada ikrar yang menjanjikan ketaatan kepada raja serta negara pada setiap masa.

Beliau menarik perhatian mengenai isu himpunan di Dataran Merdeka baru-baru ini apabila beliau telah dikritik di media sosial selepas menyatakan pen-

jawat awam tidak perlu menyertainya.

Tegasnya, ia sebenarnya selaras dengan Peraturan-Peraturan 19 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata Tertib) 1993.

“Saya jawab ketika itu kita baca Rukun Negara. Kita baca ketaatan kepada raja dan negara. Sebagai penjawat awam kita memang ada aku janji ketaatan itu dan perlu dipatuhi pada setiap masa.

“Kenapa kita nak turun perhimpunan? Tapi sememangnya dalam tempoh setahun saya menjadi KSN, ini cabaran paling besar dalam menangani media sosial,” katanya.

Menurut Shamsul Azri, sebaik mengeluarkan kenyataan itu, beliau telah diserang oleh 45,000 pengguna media sosial yang tidak bersetuju.

“Mereka tidak bersetuju dengan KSN. Tetapi sebagai penjawat awam, kitalah benteng terakhir kerajaan, kalau bukan kita siapa lagi? Ingatlah tanggungjawab kita,” katanya.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
------------------------	--